

Beratnya azab Tuhan

Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

(SIRI 24)

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Sesungguhnya azab Tuhanmu (terhadap orang-orang yang kufur ingkar) amatlah berat. Sesungguhnya Dialah yang menciptakan (sekalian makhluk) pada mulanya dan yang mengembalikannya (hidup semula sesudah mati). Dan Dialah yang Maha Pengampun, lagi Maha Pengasih. Tuhan yang mempunyai Arasy yang tinggi kemuliaan-Nya, yang berkuasa melakukan segala yang dikehendaki-Nya. (al-Buruj: :12-16)*



PENINDASAN yang dihadapi umat Islam saat ini, sesungguhnya menjadi kekuatan serta galakan kepada mereka yang beriman untuk terus meminta bantuan daripada Allah SWT. -Gambar hiasan

sebaliknya menjadi penawar kepada Rasulullah SAW dan pembelanya.

Firman Allah SWT: *Sesungguhnya Dialah yang menciptakan (sekalian makhluk) pada mulanya, dan yang mengembalikannya (hidup semula sesudah mati).*

Syed Qutub berkata: "Ayat penamat ini merupakan penamat yang hakiki bagi perjuangan itu. Itulah hakikat daripada penjelasan yang pertama mengenai peristiwa parit api supaya hakikat ini tertanam di dalam hati kumpulan kecil orang-orang yang beriman di negeri Mekah pada masa itu. Juga tertanam dalam hati setiap yang beriman yang menghadapi penindasan di sepanjang abad.

Firman Allah SWT: *Dan Dialah Yang Maha Pengampun, lagi Maha Pengasih.*

Ibnu Kathir berkata: "Yakni dengan kekuatan dan kekuasaan-Nya yang sempurna Dia memulakan penciptaan dan kemudian mengembalikannya lagi seperti sediakala tanpa ada yang

menghalangi dan tidak pula mencegah.

Firman Allah SWT: *Tuhan yang mempunyai Arasy yang tinggi kemuliaannya.*

Ibnu Kathir berkata: "Iaitu mengampuni orang-orang yang bertaubat dan tunduk kepada-Nya, apa pun dosanya. Sedangkan mengenai *al-Wadud*, Ibnu Abbas dan juga lainnya mengatakan: "Iaitu yang penuh cinta dan kasih.

Firman Allah SWT: *Yang berkuasa melakukan segala yang dikehendaki-Nya.*

Syed Qutub berkata: "Inilah sifat Allah yang banyak menjadi kenyataan dan sentiasa bertindak. Dia mempunyai iradat yang bebas. Dia memilih apa yang disukai-Nya. Dia membuat apa yang dikehendaki-Nya. Dia selama-lamanya begitu dan itulah sifat-Nya. Sekali Dia mahukan orang-orang mukmin mencapai kemenangan di bumi ini kerana sesuatu hikmah yang dikehendaki-Nya, dan sekali pula Dia mahukan keimanan mengatasi

malapetaka penindasan dan mahukan tubuh badan yang fana itu terkorban kerana sesuatu hikmah yang dikehendaki-Nya. Dan sekali pula Dia mahu bertindak terus membinasakan manusia-manusia yang zalim di bumi, dan sekali Dia mahu menangguk balasan terhadap mereka sehingga tiba Hari Kiamat yang dijanjikan itu kerana suatu hikmah yang tertentu yang direalisasikan di dunia ini dan akhirat sana mengikut perencanaan-Nya yang tersusun.

Inilah sebahagian daripada tindakan Allah yang bebas mengikut kehendak dan iradat-Nya yang sesuai dengan peristiwa parit api dan sesuai dengan cerita kebinasaan kaum Firaun dan Thamud pada ayat akan datang.

Hakikat iradat dan kudrat Allah yang bebas di sebalik peristiwa-peristiwa, di sebalik kehidupan dan di sebalik alam itu akan terus bertindak di alam buana ini.

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL BAKRI

S HEIKH al-Maraghi berkata: "Allah SWT telah memberi amaran kepada orang kafir yang menindas kaum yang beriman sama ada lelaki mahupun perempuan dan memberikan galakan kepada orang yang beriman dan melakukan amal soleh serta melukiskan pahala balasan amalannya yang disediakan untuknya. Keterangan yang menunjukkan kesempurnaan kekuasaan-Nya terhadap semuanya itu, agar menjadi penguat atas gambaran gertakan yang lalu. Seorang raja tidak akan besar dan hebat kekuasaannya melainkan dua faktor berikut:

- Sifat dermawan dan kemurahan hati yang sempurna.
- Angkatan perang yang kuat dan armada yang besar yang sanggup menentang musuhnya dan menyebabkan negara sekitarnya berasa gentar.

Firman Allah SWT: *Sesungguhnya azab Tuhanmu (terhadap orang-orang yang kufur ingkar) amatlah berat.*

Ayat ini berisi gertakan terhadap golongan Quraisy dan pendukungnya,